

Narrish seeks funds for heart valve procedure

KUALA LUMPUR: Commissioning engineer Narrish S. Rajendran, 27, who has battled a congenital heart condition since birth, is seeking RM50,000 for a life-saving heart valve procedure.

His father, S. Rajendran, 61, said Narrish would frequently turn blue and struggle for breath as an infant, which were early signs of the condition that would follow him into adulthood.

The Johor Baru-based engineer is now unable to perform heavy physical tasks and suffers from chronic fatigue as his heart valve leakage has worsened, making surgery unavoidable.

Narrish is scheduled to undergo a Transcatheter Pulmonary Valve Implantation (TPVI) at Institut Jantung Negara (IJN).

The minimally invasive procedure involves inserting a new valve through a blood vessel in the leg, bypassing the need for traditional open-heart surgery.

Paediatric and Congenital Heart Centre senior medical officer Dr Rozaina Hj Md Said said the procedure was often recommended for adults as it reduced recovery time to just three or four days.

But the surgery cost has placed a heavy burden on the family as Rajendra is retired and their household income is insufficient.

"We are deeply grateful for the help we have received so far, and we hope the operation will allow my son to live a normal life for



S. Rajendran accompanying his son, Narrish, during a check-up at the National Heart Institute, Kuala Lumpur, yesterday. NSTP PIC BY

ASWADI ALIAS

many years," said Rajendra.

Narrish thanked those who have offered help.

"Thank you very much to everyone who has helped. I hope to recover soon and get back to my work," he said.

Narrish was born with Tetralogy of Fallot with Pulmonary Stenosis. When he was 2 years old, he underwent open-heart surgery for TOF repair at Gleneagles Hospital, Penang.

Those wishing to contribute can send cheques, made payable

to the Media Prima-NSTP Humanitarian Fund, to Group Corporate Communications Department, Media Prima Bhd, Level 1, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur, with the patient's name written on the reverse side.

Donations can also be made through Bank Muamalat account number 14010008842718.

Contributions to the Media Prima-NSTP Humanitarian Fund are tax-deductible.

Analisis pengekstrakan mikro bantu tentukan dos tepat rawatan antibiotik

Noorfatimah bangun kaedah diaplikasi ke atas sampel plasma pesakit bagi pantau tahap ubat

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhrencana@bh.com.my

Rintangan terhadap antibiotik atau suatu keadaan apabila jangkitan oleh bakteria yang rintang tidak bertindak balas terhadap rawatan standard, kini menjadi ancaman global membimbangkan.

Menyedari berlaku jurang ketara dalam amalan klinikal semasa, penyelidik dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Noorfatimah Yahaya, memulakan kajian yang memberi tumpuan kepada pembangunan kaedah analisis berasaskan pengekstrakan mikro yang lebih pantas dan mesra alam.

Menurut Noorfatimah, kaedah itu juga selamat bagi penentuan paras kepekatan antibiotik UNASYN, yang terdiri daripada ampicilin dan sulbaktam, di dalam plasma manusia.

Beliau berkata, pemilihan topik penyelidikan ini didorong oleh jurang ketara dalam amalan klinikal semasa, khususnya di Malaysia, di mana pemantauan terapeutik ubat (Therapeutic Drug Monitoring, TDM) bagi antibiotik tertentu masih belum dilaksanakan secara meluas. "Sebagai seorang ahli kimia

analisis yang menjalinkan kerjasama dan kolaborasi merentas disiplin bersama rakan pensyarah di Pusat Pengajian Sains Farmasi, Prof Madya Dr Maisharah Sheikh Ghadzi, serta pensyarah dari Pusat Pengajian Pengurusan, Prof Madya Dr Teh Sin Yin di USM, saya melihat keperluan mendesak untuk membangunkan kaedah analisis lebih cekap, pantas dan praktikal, serta sesuai diaplikasikan dalam persekitaran klinikal sebenar.

"Selain itu, peningkatan kes rintangan antibiotik pada peringkat global turut mengukuhkan keperluan untuk penyelesaian berasaskan sains yang praktikal, mampan dan berimpak tinggi, selari dengan keperluan sistem kesihatan moden," katanya kepada BH.

Noorfatimah adalah seorang daripada dua penyelidik yang menerima anugerah L'Oréal-UNESCO For Women in Science, bertujuan memperkasakan saintis wanita cemerlang Malaysia untuk menangani pelbagai cabaran kritikal negara dengan pembiayaan RM30,000 setiap orang.

Beliau berkata, kaedah itu penting kerana ia membabitkan analisis bilangan sampel yang besar; diperlukan untuk membangunkan sistem pendosan tersuai (personalised dosing).

Pastikan ketepatan kajian

Katanya, penggunaan teknik analisis yang cepat, tepat dan boleh dipercayai, faktor kritikal dalam memastikan ketepatan serta kebolehppercayaan hasil kajian. Noorfatimah berkata, kaedah dibangunkan akan diaplikasikan ke atas sampel plasma pesakit yang diperoleh daripada hospital di Malaysia untuk pemantauan tahap ubat.



Dr Noorfatimah membangunkan kaedah analisis lebih cekap dan pantas sesuai untuk diaplikasikan dalam persekitaran klinikal sebenar.

Dos antibiotik yang optimum kemudian akan ditentukan, manakala faktor utama mempengaruhi keberkesanan rawatan dikenal pasti menggunakan pendekatan pembelajaran mesin (machine learning).

"Matlamat utama kajian ini adalah untuk membangunkan satu sistem pendosan tersuai bagi pesakit yang memerlukan rawatan antibiotik UNASYN, khususnya pesakit kritikal yang memerlukan ketepatan dos tinggi bagi memastikan keberkesanan rawatan dan keselamatan pesakit.

"Kajian ini mempunyai kepentingan signifikan kepada masyarakat dan sektor kesihatan negara kerana pendosan antibiotik yang

tidak optimum boleh menyebabkan kegagalan rawatan, kesan sampingan serius serta peningkatan rintangan antibiotik," katanya.

Justeru, beliau berkata, hasil kajian itu berpotensi membantu hospital dan makmal klinikal dalam memantau tahap antibiotik dengan lebih tepat, seterusnya meningkatkan keselamatan pesakit, mengurangkan kos rawatan jangka panjang dan menyokong agenda kesihatan awam negara.

"Saya berharap kajian ini dapat menyumbang kepada rawatan lebih selamat dan berkesan melalui pelaksanaan pendosan antibiotik tersesuai yang lebih tepat dan berasaskan bukti saintifik, khususnya bagi pesakit kritikal.

"Ia juga dapat mengurangkan beban kerja petugas kesihatan, termasuk doktor, ahli farmasi dan pegawai makmal, serta meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan secara keseluruhan.

"Secara tidak langsung, pendekatan ini juga menyokong usaha nasional dan global dalam menangani isu rintangan antibiotik melalui pendosan yang lebih rasional dan terkawal," katanya.

Noorfatimah berkata, kajian berkenaan berpotensi mengurangkan beban ekonomi negara dengan menurunkan kos rawatan jangka panjang akibat kegagalan terapi, komplikasi ubat dan peningkatan rintangan antibiotik.

Wegovy kini tersedia di pasaran

Oleh NURULNABILA AHMAD HALIMY

KUALA LUMPUR - Obesiti tidak wajar dilihat sebagai pilihan gaya hidup sebaliknya penyakit kronik kompleks yang dikaitkan dengan lebih 200 komplikasi kesihatan serta menjadi antara pemacu utama peningkatan penyakit kardiovaskular.

Pengurus Besar Novo Nordisk Malaysia, Dr Praful Chakkarwar berkata, keadaan itu memberi tekanan besar terhadap kualiti hidup rakyat serta meningkatkan beban jangka panjang kepada sistem kesihatan negara.

"Tinjauan Kebangsaan Morbiditi dan Kesihatan (NHMS) 2023 mendedahkan hampir 54.4 peratus dewasa di Malaysia mempunyai berat badan berlebihan atau obesiti yang bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal dan kesejahteraan emosi malah membawa kepada komplikasi sosial.

"Implikasinya bukan kecil kerana kos kepada masyarakat dan sistem kesihatan awam terus meningkat dari tahun ke tahun," katanya selepas pelancaran Wegovy* (semaglutide 2.4 mg) (MAL24126014AZ) di sini, pada Khamis.

Menurut beliau, keadaan tersebut sering menjadi pencetus atau 'pintu masuk' kepada pelbagai penyakit kronik lain yang lebih serius dan berpanjangan.

"Lebih 200 komplikasi kesihatan dikenal pasti berkait dengan masalah berat



Dari kiri: Dr Praful Chakkarwar bersama Pakar Perunding Endokrinologi dan Presiden Persatuan Obesiti Malaysia (MYOS), Profesor Dr Rohana Abdul Ghani, Pakar Hunding Endokrinologi, Emeritus Profesor Dr Chan Siew Pheng serta Pakar Perunding Kardiologi Kanan merangkap Pengarah Jabatan Pengalaman Pelanggan, Datuk Seri Dr Azhari Nooman pada pelancaran Wegovy di sini, Khamis.



DR PRAFUL CHAKKARWAR

Lebih 200 komplikasi kesihatan dikenal pasti berkait dengan masalah berat badan ini termasuk diabetes jenis dua, penyakit kardiovaskular, kanser tertentu, gangguan hormon dan masalah metabolik."

- Dr Praful Chakkarwar

badan ini termasuk diabetes jenis dua, penyakit kardiovaskular, kanser tertentu, gangguan hormon dan masalah metabolik.

"Kesemua komplikasi ini bukan sahaja memendekkan jangka hayat malah menjejaskan keupayaan seseorang untuk menjalani kehidupan harian secara produktif," jelasnya.

Tambahnya, hampir 80 peratus pesakit hari ini didapati mempunyai obesiti atau masalah berat badan berlebihan.

"Pesakit kardiovaskular juga berisiko mengalami komplikasi lain seperti kegagalan buah pinggang dan jantung yang akhirnya memerlukan rawatan jangka panjang termasuk dialisis.

"Kos rawatan dialisis pula melebihi RM3,000 sebulan bagi seorang pesakit dan perlu dijalani beberapa kali seminggu sekali gus menunjukkan betapa besarnya beban kos penyakit kardiovaskular kepada individu dan sistem kesihatan," katanya.

Beliau menegaskan, peranan Wegovy* sebagai pilihan rawatan tambahan kepada orang dewasa yang menghidap obesiti dan berat badan berlebihan serta mempunyai sekurang-kurangnya satu komorbiditi berkaitan berat badan.

"Wegovy* ialah ubat suntikan mingguan yang meniru hormon semula jadi GLP-1, dilepaskan oleh usus selepas makan. Mekanisme ini menyasarkan bahagian tertentu dalam otak untuk mengawal rasa lapar dan keinginan makan seterusnya menyokong pengurusan berat badan bagi pesakit yang mengalami kesukaran mengawalinya.

"Ia juga membantu individu yang hidup dengan obesiti mencapai penurunan berat badan sekurang-kurangnya 20 peratus daripada berat asal. Selain itu, rawatan dengan semaglutide menunjukkan pengurangan jisim lemak lebih besar berbanding jisim tanpa lemak yang akhirnya menyumbang kepada penurunan berat badan berkualiti," katanya.

Beliau berkata, ketersediaan rawatan baharu itu berpotensi memberi perubahan ketara terhadap pengurusan obesiti di Malaysia.

"Wegovy kini tersedia di beberapa klinik dan hospital terpilih, bakal diperluas secara berperingkat susulan proses pelaksanaan di fasiliti kesihatan.

"Dari segi kos, ia berbeza mengikut lokasi namun ditawarkan pada tahap kompetitif bagi meningkatkan akses kepada lebih ramai rakyat Malaysia," katanya.



Dari kiri: Dr Chan Siew Pheng, Dr Azhari, Dr Rohana dan pesakit, Ayyub pada forum Wego Discuss: The Weight Is Over anjuran Novo Nordisk sempena pelancaran Wegovy.



Wegovy (semaglutide) dos 2.4 miligram, suntikan mingguan keluaran Novo Nordisk, digunakan sebagai rawatan pengurusan berat badan berdasarkan preskripsi untuk individu yang hidup dengan obesiti atau lebih berat badan mengikut penilaian doktor.



Rayu bantuan rawatan jantung

Selepas 20 tahun stabil, Narrish perlu RM50k untuk jalani prosedur TPV di Institut Jantung Negara

Oleh Nor Syazrina

Muhamad Tahir

syazrina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seorang pemuda yang menghidap penyakit jantung kongenital sianotik Tetralogy of Fallot (TOF) sejak kecil memerlukan RM50,000 bagi menampung kos rawatan lanjut di Institut Jantung Negara (IJN).

Jurutera pentauliahan, Narrish Rajendran, 27, yang berasal dari Perak berkata, dia didiagnos dengan penyakit itu ketika berusia dua tahun dan pernah menjalani pembedahan ketika kecil.

Menurutnya, selepas pembedahan itu, keadaannya stabil selama lebih 20 tahun dan dia hanya menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala setiap tahun.

"Kemudian saya dirujuk ke IJN selepas doktor mengesan masalah kebocoran jantung yang semakin meningkat dari tahun ke tahun.

"Doktor juga sahkan saya perlu menjalani prosedur Transcatheter Pulmonary Valve Implantation (TPV) bagi merawat keadaan berkenaan.

"Sejujurnya saya gementar kerana ini adalah kali pertama saya buat TPV. Na-



NARRISH menghidap Tetralogy of Fallot ditemu bual menerusi Google Meet. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

mun terima kasih atas segala sokongan yang diberikan terutama keluarga saya," katanya dalam temu bual tertutup menerusi Google Meet, semalam.

Bapanya, Rajendran Sathashevan, 61, berkata, Narrish pernah mengalami simptom *blue baby* ketika kecil termasuk sesak nafas dan perubahan warna kulit menjadi kebiruan terutama

ketika menyusu atau menengis.

Katanya, selepas lebih 20 tahun berada dalam keadaan baik, masalah kebocoran jantung kembali dikesan sehingga memerlukan rawatan lanjut.

"Kos keseluruhan memang tinggi dan saya bergantung kepada simpanan KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) bagi ke-

langsungan hidup.

"Terima kasih semua atas sumbangan yang diberikan, semoga prosedur ini dapat membantu anak saya bertahan untuk jangka masa yang panjang," kata pesara itu.

Sementara itu, Pegawai Perubatan Kanan, Pusat Jantung Kongenital Pediatrik IJN, Dr Rozaina Md Sa'id berkata, keadaan Narrish ketika ini adalah stabil na-

mun dia berdepan masalah pada injap pulmonari akibat penyakit jantung berlubang yang dialami sejak kecil.

Menurutnya, pesakit TOF biasanya memerlukan penggantian injap apabila injap menjadi sempit, menyebabkan bahagian kanan jantung mengembang dan tekanan meningkat, justeru itu rawatan diperlukan bagi mengelakkan komplikasi

serius.

"Kelebihan TPV ini pesakit akan sembuh lebih cepat dan pakar tidak akan buka jantung (pembedahan jantung terbuka).

"Selepas prosedur pesakit hanya akan berada di hospital dari tiga ke empat hari, berbanding pembedahan yang menjangkau tujuh ke 12 hari," katanya.

Rawatan Narrish akan di biayai hasil sumbangan orang ramai menerusi Tabung Kemanusiaan Media Prima - NSTP.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan bagi kes seperti ini boleh menyalurkan sumbangan melalui cek yang ditulis atas nama MEDIA PRIMA-NSTP HUMANITARIAN FUND (dengan menulis nama pesakit di belakang cek) dan dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan, Media Prima Berhad, Tingkat 5, Anjung Riong, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Orang ramai juga boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Muamalat 1401-0008-8427-18 dan meletakkan nama pesakit di bahagian Rujukan Penerima atau Butiran Pembayaran Lain. Sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP layak mendapat pelepasan cukai.